

AYAM PEGAR
Crested Fireback

FAMILI: Phasianidae
NAMA SAINTIFIK: *Lophura ignita*



CIRI-CIRI

Pada burung ini, terdapat kulit tanpa bulu yang berwarna biru pada bahagian muka. Bahagian mata dan kaki pula berwarna merah. Individu jantan berwarna hitam kebiruan dan bulu putih pada bahagian atas ekor. Terdapat jambul pada bahagian atas kepala dan pada bahagian belakang terdapat tompokan warna oren cerah menyala manakala pada betina tidak terdapat tompokan tersebut. Warna bulu individu betina terdiri daripada coklat keperangan dan terdapat jambul pada bahagian kepala seperti jantan. Ukuran untuk individu jantan adalah di antara 65.0-73.5 sm (termasuk ekor hingga 26.5 sm panjang) panjang manakala individu betina pula adalah di antara 56-59 sm panjang.

MAKANAN

Ia memakan biji-bijian, pucuk-pucuk tumbuhan, invertebrata, serangga, buah-buahan yang jatuh, dan lain-lain lagi.

HABITAT

Spesies ini boleh ditemui di hutan dipterokap tanah pamah sehingga 200 m dari aras laut, namun kebiasaannya boleh ditemui pada ketinggian 1,200 m dari aras laut.

BUNYI

Ia mengeluarkan bunyi *ukhh-ukhh-ukhh* secara berterusan sama ada untuk menarik perhatian betina atau untuk memberikan amaran kepada penceroboh.

PEMBIAKAN

Musim membiak adalah dari bulan Ogos hingga September setiap tahun dengan burung betina mampu menghasilkan sehingga 5 biji telur bagi setiap eraman (burung yang di dalam kurungan) di dalam sarang yang terletak di atas tanah atau di dalam semak samun.

STATUS

Akta 76/72, dilindungi sepenuhnya.
CITES, appendiks 3.